

12/4

menyokong segala usaha yang dilakukan untuk mencari penyelesaian yang realistik dan mesra terhadap isu tersebut.

5. Berkenaan soalan kedua Yang Berhormat Kapar, Kerajaan Malaysia tidak pernah mengiktiraf Abkhazia, Ossetia Selatan, Cyprus Utara, Republik Demokratik Arab Sahrawi (Sahara Barat), Nagorno Karabakh, Transnistria, dan Somaliland sebagai sebuah negara yang merdeka, selari dengan pendirian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bahawa negeri-negeri tersebut bukan sebuah negara berdaulat dan masih mempunyai konflik yang perlu dimuktamadkan. Malah ada yang masih merupakan sebahagian daripada wilayah sesebuah negara yang berdaulat (contohnya Nagorno-Karabakh masih sebahagian daripada wilayah Azerbaijan).

6. Sehubungan itu, Malaysia berharap agar usaha-usaha perbincangan/rundingan akan terus diadakan dengan mengambil kira norma-norma antarabangsa, terutamanya yang melibatkan kedaulatan sesebuah negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (254)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY

SOALAN :-

YB TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY [KAPAR] minta
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-

- (a) sama ada Kementerian boleh bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan negeri untuk mengenal pasti tempat-tempat ibadat yang menduduki tanah 'secara haram' (tanpa pendaftaran) dan membantu mereka mendapat geran tanah atau berpindah ke tempat yang lebih sesuai ; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk mengambil langkah proaktif supaya tidak merobohkan mana-mana rumah ibadat yang menduduki tanah 'secara haram' (tanpa pendaftaran) dan menubuhkan tribunal khas untuk meneliti dan membantu mereka mendapat geran tanah atau berpindah ke tempat yang lebih sesuai.

146

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan mengenai rumah ibadat adalah terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri masing-masing. Setiap Kerajaan Negeri mempunyai tatacara penguatkuasaan ke atas rumah ibadat selain Islam dan tempat penyembahan.

b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kuasa meroboh dan mendapatkan tanah bagi rumah ibadat bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan(KPKT) dan tertakluk kepada persetujuan Kerajaan Negeri.

Kementerian Kesejahteraan Bandar
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

SOALAN : 255

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) secara terperinci operasi pencarian MH370 yang disambung semula dan mengapa Kerajaan bekerjasama dengan Ocean Infinity Limited dan bukannya firma lain ; dan
- (b) apakah pampasan atau insentif yang telah diberikan kepada keluarga mangsa MH370.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operasi pencarian dasar laut oleh syarikat Ocean Infinity Limited bagi mengesan kedudukan bangkai (*wreckage*) pesawat MH370 di lokasi seluas melebihi 25,000 kilometer persegi dalam kawasan pencarian utama di Selatan Lautan Hindi berdasarkan prinsip "*no cure no fee*" dalam tempoh 90 hari telah dimulakan pada 22 Januari 2018. Sehingga 18 Mac 2018, operasi pencarian telah meliputi kawasan seluas 29,500 kilometer persegi. Jumlah keluasan ini adalah termasuk kawasan pencarian tambahan (*supplementary search area*) iaitu melebihi kawasan pencarian utama seluas 25,000 kilometer persegi. Buat masa ini, tiada sebarang bangkai pesawat ditemui.

Kerajaan telah menerima tawaran daripada 3 buah syarikat yang menyatakan minat untuk menjalankan operasi pencarian dasar laut bagi mengesan bangkai pesawat MH370 di lokasi baru seluas 25,000 kilometer persegi. Tawaran-tawaran tersebut telah diterima dari syarikat Ocean Infinity (United Kingdom), Fugro Survey Pty Ltd (Australia) dan TS Maritime Sdn. Bhd. (Malaysia).

Dalam hubungan ini, Kerajaan memutuskan untuk bekerjasama dengan syarikat Ocean Infinity Limited bagi melaksanakan operasi pencarian dasar laut ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

- (i) Syarikat Ocean Infinity menawarkan untuk melaksanakan operasi pencarian dasar laut berdasarkan prinsip "*no cure no fee*", yang mana Kerajaan Malaysia tidak perlu mengeluarkan

sebarang bayaran kepada syarikat ini sekiranya tiada sebarang bangkai pesawat ditemui dalam tempoh 90 hari operasi pencarian dilaksanakan. Manakala, tawaran yang dikemukakan oleh beberapa syarikat lain bagi tujuan melaksanakan operasi pencarian dasar laut melibatkan kos operasi yang perlu dibayar oleh pihak Kerajaan walaupun tiada jaminan bahawa bangkai pesawat akan ditemui.

- (ii) Syarikat Ocean Infinity Limited telah bekerjasama dengan syarikat Swire Seabed daripada Norway yang mempunyai kapakaran tinggi dalam bidang perkapalan dan teknologi maritim dengan peralatan canggih dan krew yang berkemahiran tinggi bagi melaksanakan operasi pencarian dasar laut. Swire Seabed turut mempunyai pengalaman dalam operasi *search and rescue* (SAR) melalui penglibatan secara langsung dengan operasi pencarian pesawat Air France 447 yang terhempas di Lautan Atlantik suatu ketika dahulu.

Berkenaan dengan pampasan yang diberikan kepada keluarga mangsa pesawat MH370, setakat ini sebanyak 129 telah menerima pampasan penuh, manakala bakinya sebanyak 110 hanya menerima sebahagian dari jumlah pampasan penuh dan masih dalam proses rundingan bagi memuktamadkan jumlah pampasan akhir.

Jumlah pampasan penuh yang telah dibayar kepada waris-waris penumpang MH370 adalah dinilai berdasarkan *Montreal Convention 1999* dengan mengambil kira pembuktian kerugian (*subject to proof of loss*) yang ditanggung oleh setiap penumpang.

150

Justeru, jumlah tuntutan bagi setiap waris penumpang MH370 adalah berbeza-beza di antara satu dengan yang lain kerana ia berdasarkan kepada pembuktian kerugian bagi setiap individu (penumpang).